

## Kutipan derma...

NAIB Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon telah memberi sokongan kepada Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM) Cawangan Sabah dalam usahanya mengutip derma bagi mengisi Pandu Puteri - Tabung Bencana Gempa Bumi-Tsunami Jepun.

Kempen itu diadakan di kampus UMS dan mendapat sambutan yang baik. Ia akan berterusan hingga pertengahan bulan April depan. Tabung tersebut adalah inisiatif PPPM di mana Yang Dipertuannya adalah Datin Seri Rosmah Mansor iaitu isteri kepada Perdana Menteri Malaysia. Di peringkat PPPM Cawangan Sabah, tabung tersebut dilancarkan oleh Presidennya, Datuk Naomi Chong di Wisma Pandu Puteri baru-baru ini.

Gambar menunjukkan Prof Dr Kamaruzaman (kanan) sedang menderma kepada tabung tersebut apabila diziarahi oleh salah seorang Ahli Jawatankuasa Tertinggi PPPM Cawangan Sabah, Dr Janice Nga yang juga pensyarah UMS.

